



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 21 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KLINIK VETERINAR BERGERAK PERTAMA DI PANTAI TIMUR, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 21	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	TILAPIA DITERNAK DALAM TANGKI PERKUKUH KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA, NEGARA, KOSMO, M/S – 8	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
3.	LAMBAKAN UDANG BERI REZEKI TAMBAHAN NELAYAN TERENGGANU, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	LAIN – LAIN
4.	CUACA PANAS, 'BELAT' JEJAS HASIL NELAYAN DARAT, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	
5.	GOVT URGED TO HALT INTENDED CHANGES TO PLANT LAW, NATIONAL, THE SUN, M/S – 5	
6.	'STRICT SEED RULES MAY WEAKEN FOOD SECURITY', NATIONAL, THE SUN, M/S – 5	
7.	CALL TO ADDRESS RISING PRESSURE IN AGRICULTURAL SECTOR, NATIONAL, THE SUN, M/S – 5	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2026	HARIAN METRO	LOKAL	21

## Klinik veterinar bergerak pertama di pantai timur

**Kuantan:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pahang memiliki klinik veterinar bergerak serba lengkap yang pertama di pantai timur bagi kegunaan memberi rawatan buat haiwan peliharaan di kawasan luar bandar di negeri ini.

Klinik berkenaan dilengkapi dengan bilik bedah, bilik bius, bilik rawatan, bilik kurungan, ruang pendaftaran dan ruang menunggu.

Ia mula beroperasi kelmarin sempena program Kampungku Ceria di Tasik Paya Besar, di sini.

Pengarah JPV Pahang, Dr Norhaliza Abdul Halim berkata, klinik veterinar bergerak dijangka ke setiap daerah di negeri ini setiap bulan bagi memberi perkhidmatan yang diperlukan haiwan seperti kucing, anjing, arnab dan hamster.

Menurutnya, pihaknya memberi tumpuan kepada rawatan seperti pemberian vaksin, ubat cacung dan ubat kutu termasuk aktiviti pemandulan serta pembe-

dahan kecil yang perlu dilakukan segera bagi menyelamatkan nyawa haiwan peliharaan itu.

Katanya, sebelum ini pemilik haiwan peliharaan terpaksa datang ke klinik JPV dan klinik swasta bagi mendapatkan rawatan haiwan mereka, namun selepas ini mereka hanya perlu menunggu klinik veterinar bergerak datang ke tempat mereka.

“Kita mampu memberi rawatan antara 40 hingga 50 ekor haiwan peliharaan sehari bergantung pada jenis rawatan yang diberikan. Untuk pemberian vaksin, ubat cacung dan ubat kutu akan mengambil masa kira-kira 10, 15 minit hingga sejam bagi pemandulan,” katanya, di sini, semalam.

Norhaliza berkata, bayaran serendah RM5 dikenakan bagi rawatan seperti suntikan vaksin, ubat cacung dan ubat kutu. Bagi pemandulan dikenakan RM80 bagi kucing jantan dan RM120 kucing betina.



**KELIHATAN** pelanggan mengambil gambar bersama kucing kesayangan pada Program Kampungku Ceria di Tasik Paya Besar Gambang, Kuantan.

Sementara itu, Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar JPV Pahang, Dr Zakaria Ahmad berkata, klinik veterinar bergerak dapat memberi kemudahan kepada pemilik haiwan peliharaan mendapatkan kemudahan rawatan haiwan mereka dengan lebih mudah dan jimat.

“Kita akan datang ke lokasi ditetapkan di kawasan luar bandar, pemilik haiwan boleh datang secara berkumpulan membawa kucing, anjing, arnab dan hamster.

Dengan cara itu dapat menjimat kos selain memberi lebih keselesaan pada haiwan.

“Klinik veterinar bergerak dikendalikan tujuh kakitangan termasuk tiga penolong pegawai veterinar yang akan memberi rawatan. Saya berharap perkhidmatan bergerak yang disediakan ini mendapat sambutan daripada pemilik haiwan peliharaan di negeri ini,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2026	KOSMO	NEGARA	8



MOHAMAD ketika melepaskan benih ikan tilapia dalam Projek Ternak Ikan Dalam Tangki di Puchong semalam.

## Tilapia ditenak dalam tangki perkukuh keterjaminan makanan negara

**PETALING JAYA** – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) terus memperkukuh agenda keterjaminan makanan negara apabila melaksanakan Projek Ternakan Ikan Dalam Tangki menggunakan teknologi moden Biofloc di Wisma LKIM Puchong semalam.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, program pelepasan benih ikan tilapia itu selari dengan Amanat Tahun Baharu 2026 yang menekankan

keperluan memperkukuh daya tahan sektor makanan negara.

Menurut beliau, projek berkenaan menggunakan pendekatan lebih moden dan efisien berbanding kaedah ternakan konvensional, khususnya dari segi penggunaan air, kebersihan serta pengurusan ternakan.

“Teknologi Biofloc ini lebih jimat air, lebih bersih dan lebih efisien. Ia sesuai untuk diaplikasikan dalam persekitaran terhad, termasuk di kawasan

bandar,” katanya di media sosial.

Dalam program itu, sebanyak 4,800 ekor benih ikan tilapia merah dilepaskan sebagai fasa permulaan. Projek tersebut dijangka mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga hingga empat bulan dengan pulangan dianggarkan sekitar RM15,000.

Mohamad berkata, selain memberi pulangan ekonomi, projek tersebut turut berperanan sebagai platform latihan kepada pegawai LKIM dan nelayan bagi

membiasakan mereka dengan teknologi ternakan moden.

“Ini bukan sekadar soal hasil jualan, tetapi bagaimana kita melatih dan membina keupayaan pemain sebenar di lapangan supaya lebih bersedia menghadapi cabaran masa depan,” ujarnya.

Beliau menegaskan, langkah kecil yang dilaksanakan secara konsisten mampu memberi impak besar terhadap kedaulatan makanan negara serta kesejahteraan rakyat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2026	KOSMO	NEGARA	14

# Lambakan udang beri rezeki tambahan nelayan Terengganu

**DUNGUN** – Penghujung Musim Timur Laut (MTL) kali ini memberi rezeki buat nelayan Terengganu khususnya di daerah ini apabila berlaku lambakan udang di perairan negeri ini sejak kira-kira tiga minggu lalu.

Lambakan udang itu secara tidak langsung membolehkan penduduk tempatan menikmati pelbagai jenis udang laut seperti harimau, solo dan minyak pada harga yang lebih murah.

Tinjauan di Pasar Besar Dungun di sini semalam mendapati, orang ramai tiba seawal pukul 8 pagi untuk membeli udang segar yang baru naik dari laut.

Seorang peniaga, Wan Hizhan Wan Jusoh, 52, berkata, lambakan udang tersebut bermula kira-kira tiga minggu lalu sebelum memuncak tangkapan-punya pada lima hari lalu.

“Lambakannya menyebabkan harganya jatuh iaitu udang harimau kini cuma RM130 sekilogram berbanding RM160 sekilogram sebelum ini.

“Udang solo pula hanya berharga RM25 sekilogram manakala udang minyak RM20 sekilogram. Tiga jenis udang ini paling laku dijual,” katanya ketika ditemui di Pasar Besar Dungun di sini semalam.

Sementara itu, seorang se-



**ORANG** ramai berebut membeli udang segar pada harga murah di Pasar Besar Dungun semalam.

orang pengguna, Shahrul Nizam Hazwan, 34, yang menetap di Kuala Lumpur tidak melepaskan peluang membeli udang murah di pasar itu.

“Kebetulan saya sedang ber-cuti di rumah nenek tidak jauh dari pasar. Terkejut saya sekarang musim udang.

“Saya beli udang harimau dan solo segar untuk dibawa pulang ke Kuala Lumpur. Tak dapat harga semurah ini di ibu kota,”

katanya.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Terengganu, Mat Yasim Mohamed berkata, perairan Terengganu pada masa ini penuh dengan udang.

“Udang-udang pelbagai spesies ini ‘bermain’ pada kedudukan sekitar lima batu nautika (9.26 kilometer) dari pesisir pantai. Bukan sahaja perairan Dungun malah hampir seluruh Terengganu,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

# Cuaca panas, 'belat' jejas hasil nelayan darat

Oleh AIN SAFRE BIDIN  
utusannews@mediamulia.com.my

**TELUK INTAN:** Nelayan darat di Sungai Kerawai di sini terjejas pendapatan berikutan cuaca panas sejak lebih sebulan lalu.

Pengerusi MyKomuniti Perikanan Kampung Sungai Kerawai, Mohamad Suhaimi Matsukot berkata, cuaca panas menyebabkan sumber ikan sungai semakin berkurangan.

Katanya, selain faktor cuaca, tangkapan nelayan juga berkurangan disebabkan penggunaan sejenis alat memerangkap ikan dikenali 'belat' yang semakin berleluasa di sungai tersebut.

Menurutnya, belat dipasang oleh nelayan luar itu telah memberi kesan terhadap pendapatan nelayan.

"Belat memerangkap semua jenis saiz ikan termasuk anak ikan. Namun mereka yang memasang belat hanya mengambil ikan besar yang memasuki perangkap belat manakala ikan bersaiz kecil dibiarkan begitu sahaja.

"Inilah yang mengurangkan jumlah ikan di sungai ini sedangkan di sini setiap tahun diadakan program melepaskan benih ikan yang sepatutnya sungai ini mempunyai banyak ikan namun sebaliknya pula.

"Cuaca panas ketika ini menjejaskan lagi jumlah tangkapan nelayan yang saya anggarkan berkurangan 50 peratus," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, terdapat kira-



**NELAYAN** menunjukkan keadaan air sungai yang cetek berikutan cuaca panas di jeti Kampung Sungai Kerawai di Teluk Intan, Perak - UTUSAN/ AIN SAFRE BIDIN

kira 35 nelayan darat di kampung itu yang bergantung sepenuhnya kepada hasil tangkapan di sungai.

Katanya, cuaca panas menyebabkan air cetek dan menyukarkan nelayan untuk bergerak kerana bot tersangkut di kawasan yang cetek.

"Disebabkan kawasan ini ikan berkurangan, nelayan cuba menangkap ikan di tempat lain namun sukar untuk kami ke kawasan lain kerana bot sering tersangkut di kawasan yang cetek disebabkan paras air sungai semakin cetek ketika ini.

"Kami terpaksa menunggu sehingga air pasang untuk bot bergerak dan ini sudah tentu menyukarkan kami," katanya.

Menurutnya, Sungai Kerawai berpotensi dikembangkan sebagai kawasan ekopelancongan khusus untuk kaki pancing kerana sungai tersebut terkenal dengan pelbagai jenis ikan seperti lampam, baung, jelawat, sebarau dan udang galah.

"Namun disebabkan air cetek, pemancing sukar untuk memancing di sungai ini selain ancaman daripada nelayan luar yang memasang belat di sini.

"Kami berharap cuaca kembali normal supaya paras air sungai meningkat bagi memudahkan pergerakan bot. Ini bukan sahaja untuk memudahkan nelayan menangkap ikan tetapi juga untuk pemancing datang memancing di sini," katanya.

# Govt urged to halt intended changes to plant law

➤ Amendments could restrict traditional seed-saving practices and weaken safeguards against biopiracy: Opponents

BY FAIZ RUZMAN  
newsdesk@thesundaily.com

**KUALA LUMPUR:** Farmers and civil society groups yesterday urged the government to halt proposed amendments to the Protection of New Plant Varieties Act 2004 (Act 634), warning that alignment with the International Union for the Protection of New Varieties of Plants 1991 Convention could undermine traditional seed-saving practices, rural livelihoods and national food security.

About 200 demonstrators submitted memorandums urging the government to review amendments to Act 634 that are linked to Malaysia's potential alignment with the convention.

Padi Farmers' Brotherhood Association chairman Abdul Rashid Yob said farmers are already under mounting pressure from rising production costs, climate challenges and volatile market conditions.

"In some areas, padi deductions can reach between 50% and 65%. This means that from one metric tonne, farmers may only be paid for about 500kg, which significantly reduces their income.

"Over the past three to four years, farmers' earnings have also been affected by climate change, unstable weather patterns and crop diseases."

Rashid, who has 15 years of experience in *padi* farming in Kedah, said heavy rice imports could further weaken demand for local produce.

"When imported rice enters the market in large volumes, local millers may become less interested in buying domestic *padi*, and farmers are the ones who feel the impact."

Agroecology Association vice-president Anni Mitin said traditional seed-sharing practices have long been embedded in local farming culture.

"Seed sharing has always been part of our culture, based on trust and traceability, in which farmers know the origin of the seeds they use.

"If seed companies are selling products for profit, there should be clear standards and accountability to ensure quality and fair compensation for farmers."

She added that food policies should reflect what people actually consume, based on cultural and community needs.

"Food sovereignty is about ensuring what we grow reflects what people eat, grounded in local culture, nutrition and community priorities," she noted.

Travelling from Sabah, Padi Farmers' Brotherhood Association regional coordinator Pangiran Pa'sia Salutan said indigenous communities in remote areas rely heavily on traditional farming practices for survival.

He said some policies adopted in more developed countries are difficult to

implement in rural parts of Borneo.

"Many rural communities in Borneo are not yet equipped with the infrastructure or resources to adapt to some of these policies.

"Local farmers play an important role in ensuring food supply in remote regions where access and logistics are limited."

Students also turned up in support of the farmers' cause.

International Islamic University Malaysia psychology student Aliyyah Zulfah, 21, said food security is not only a farmers' issue.

"This concerns everyone. When farmers suffer, consumers will eventually feel the impact too, whether through higher prices or shortages."

Activist group director S. Amalen, 33, said food policies could have a direct effect on the cost of living.

"Food policies do not only affect farmers, but also ordinary Malaysians who are already facing rising costs for daily necessities.

"Recent disruptions in regional food supply have shown how interconnected and vulnerable our food system can be."

The memorandums were received by Agriculture and Food Security Deputy Minister Datuk Chan Foong Hin and Deputy Secretary-General Datuk Luqman Ahmad on behalf of the government, as well as Kota Bharu MP and opposition chief whip Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

The coalition is urging the government to halt amendments to Act 634, arguing that several proposed changes could restrict traditional seed-saving practices, weaken safeguards against biopiracy and reduce government control over seed pricing and supply.



About 200 demonstrators submitted memorandums urging the government to review amendments to Act 634. — ADIB RAWI YAHYA/THESUN

## 'Strict seed rules may weaken food security'

**PETALING JAYA:** Proposed amendments to Malaysia's seed laws could carry long-term consequences for farmer livelihoods, market competition and national food security, experts warned.

Universiti Utara Malaysia Institute of Asian International Affairs and Diplomacy research fellow Assoc Prof Dr Bakri Mat said stricter seed regulations risk marginalising long-standing farming practices relied on by smallholders.

"Stricter seed regulations risk marginalising traditional practices that small farmers have relied on for generations to reduce costs and sustain their livelihoods."

Bakri said farmers' concerns about "monopoly" reflect growing market control by large agricultural suppliers, rather than intellectual property issues alone.

"When farmers speak about 'monopoly', they are referring to the excessive control of a few large companies over the entire agricultural supply chain, which weakens farmers' bargaining power."

He said some farmers are increasingly required to purchase bundled agricultural inputs, including seeds, fertilisers and pesticides, from the same suppliers, limiting their ability to negotiate prices while giving them little influence over the prices of their produce.

Bakri warned that heavy dependence on commercial seeds and imported inputs could weaken Malaysia's food security.

"Overdependence on commercial seeds and inputs makes the national food system more vulnerable to global disruptions, as seen during the Covid-19 pandemic and the Russia-Ukraine conflict."

"While production costs have increased by 30% to 50%, farm-gate prices have remained largely stagnant, squeezing farmers' already narrow profit margins."

Meanwhile, Universiti Teknologi Mara Sarawak agrotechnology expert Assoc Prof Dr Abdul Rahman Salli said stricter seed regulations could reduce farmers' autonomy over traditional practices.

"Stricter seed regulations could reduce small farmers' autonomy and turn long-standing traditional practices into potential legal violations," he said.

"Expanding intellectual property protection in agriculture risks criminalising traditional farming practices that communities have relied on for food security."

Rahman said growing reliance on uniform commercial seeds could also weaken agricultural biodiversity.

"When farmers depend on uniform commercial seeds, agricultural biodiversity declines, reducing the resilience of crops to climate change and disease."

He added that restrictions on seed saving would force farmers to purchase new seeds each season, increasing production costs.

"Restrictions on seed saving force farmers to purchase new seeds every season, increasing production costs and narrowing already tight profit margins."

"Limited engagement with small farmers in policy reforms has resulted in regulations that do not fully reflect realities on the ground."

— BY FAIZ RUZMAN

## Call to address rising pressure in agricultural sector

**KUALA LUMPUR:** Warning that farmers' welfare is inseparable from national food security, Kota Bharu MP and opposition chief whip Datuk Seri Takiyuddin Hassan yesterday joined a farmers' gathering outside Parliament and called for cross-party action to address mounting pressures in the agricultural sector.

He said the government and the Opposition must work together to resolve issues affecting farmers as agricultural challenges cut across political lines and affect all Malaysians. "Everyone in Malaysia eats rice. Farmers and *padi* growers play a vital role in ensuring our daily food supply and the country's future.

"The welfare of farmers should be defended across party, racial and religious lines because their livelihoods are closely linked to national food security.

"Matters involving the Protection

of New Plant Varieties Act 2004 have previously been raised in Parliament and the ministry has given assurances that the issue would be reviewed. We hope those assurances would be fulfilled."

Takiyuddin highlighted concerns over high *padi* deduction rates reported in certain areas, which farmers said have reached 65%.

"In the past, deductions were said to be around 20%. Now, farmers are

reporting deductions of up to 65%, leaving them with significantly less income."

He also raised concerns over delayed subsidy payments, including a RM600 assistance package that farmers were told would be provided before the harvest season.

"It has been more than a year and many farmers are still waiting."

He said opposition MPs would continue to raise farmers' issues in

Parliament, including during debates and through select committee discussions.

He added that memorandums submitted by farmer groups yesterday would be reviewed and brought to the attention of relevant authorities.

"Our commitment is to ensure the voices of farmers are heard and their concerns receive serious attention."

—BY FAIZ RUZMAN